



# SIARAN MEDIA

## UNTUK SIARAN SEGERA

### SIMPAN SSPN RINGANKAN BEBAN WARIS MELALUI MANFAAT PERLINDUNGAN TAKAFUL

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui Program Ziarah Kasih Simpan SSPN telah mengunjungi waris mendiang Poovan a/l Arumugam iaitu salah seorang pendeposit Simpan SSPN di kediaman beliau di Presint 11, Putrajaya. Mendiang Poovan a/l Arumugam, 52 tahun seorang kakitangan kerajaan telah meninggal dunia pada 25 Jun 2025 lalu.
2. Semasa kunjungan ini, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi telah menyerahkan surat dan replika kad manfaat perlindungan takaful dan khairat kematian Simpan SSPN kepada waris mendiang. Turut hadir, YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengurus PTPTN, YBhg. Datuk Dr. Anesee Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, YBrs. En. Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, YBrs. Dr. Harshita Aini binti Haroon, Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKPET), Puan Mastura Mohd Khalid, Ketua Pegawai Operasi PTPTN dan Encik Ahmad Shahril@Muhammad bin Ghazali, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Mendiang merupakan pendeposit Simpan SSPN Prime yang telah membuka akaun untuk diri sendiri dan tiga (3) orang anak serta mempunyai simpanan yang melayakkan beliau menerima manfaat perlindungan takaful berjumlah RM1,822.56 berserta khairat kematian berjumlah RM3,000.00. Ini menjadikan keseluruhan manfaat Simpan SSPN Prime diterima berjumlah RM4,822.56.
4. Mendiang juga telah membuka akaun Simpan SSPN Plus untuk satu (1) orang anak di bawah Pakej Topas dengan komitmen sebanyak RM100.00 sebulan iaitu untuk simpanan RM90.00 dan untuk caruman takaful sebanyak RM10.00. Manakala dua (2) orang anak di bawah Pakej Delima dengan komitmen sebanyak RM50.00 sebulan iaitu

untuk simpanan RM40.00 dan untuk caruman takaful sebanyak RM10.00. Melalui caruman takaful RM30.00 sebulan (bagi 3 akaun), beliau sebagai pendeposit Simpan SSPN Plus telah dilindungi dengan manfaat perlindungan takaful berjumlah RM90,000.00 dan khairat kematian berjumlah RM9,000.00. Ini menjadikan keseluruhan manfaat Simpan SSPN Plus yang diterima berjumlah RM99,000.00. Maka jumlah keseluruhan manfaat Simpan SSPN yang diterima adalah berjumlah RM103,822.56.

5. PTPTN mempunyai dua (2) produk simpanan iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus yang menawarkan pelbagai kistimewaan dan manfaat. Keistimewaan Simpan SSPN Prime ialah perlindungan takaful percuma secara Ringgit ke Ringgit kepada pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas sekiranya berlaku kematian/ ilat kekal menyeluruh kepada mereka. Selain itu, pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, Geran Sepadan sehingga RM10,000.00 bagi satu keluarga yang layak, dividen yang kompetitif, patuh syariah dan simpanan dijamin Kerajaan.

6. Produk Simpan SSPN Plus pula menawarkan enam (6) pakej serendah RM30 sebulan (pakej intan) hingga RM500 sebulan (pakej berlian) dengan manfaat tambahan seperti manfaat perlindungan takaful sehingga RM1.2 juta, manfaat khairat kematian kepada pendeposit, pasangan dan anak-anak maksimum lima (5) orang anak, manfaat takaful penyakit kritikal, elaun kemasukan hospital, perlindungan takaful sehingga umur pendeposit 69 tahun dan manfaat ini tertakluk kepada pakej yang dipilih dan Syarikat Pengendali Takaful yang dipilih oleh pendeposit. Selain itu, pembukaan akaun Simpan SSPN Plus tidak memerlukan pemeriksaan kesihatan kecuali pakej Berlian, hanya perlu menjawab tiga (3) soalan kesihatan.

7. Maklumat lanjut berkenaan Simpan SSPN boleh diperoleh melalui portal rasmi [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Diedarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
5 Ogos 2025**

*Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)*